



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,640 kes** (377,980 kes kumulatif, 92.5%);
- Kes baharu : **3,788 kes** (408,713 kes kumulatif);
- Kes import : **2 kes** (2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,786 kes** [3,476 warganegara (91.8%); 310 bukan warganegara (8.2%)];
- Kes aktif : **29,227 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **328 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **161 kes**; dan
- Kes kematian : **14 kes** (1,506 kes kumulatif, 0.37%; 13 warganegara, 1 bukan warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,265 kes (33.4 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,030 kes (81.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **760 kes (20.1 peratus)** dan Kelantan sebanyak **464 kes (12.3 peratus)**.

Sebanyak **42 kes (1.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Pagar Sri Lalang (16 kes), Kluster Pagar Rimba (12 kes), Kluster Pagar Siput Dua (9 kes), dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (5 kes).

Terdapat 14 kes kematian pada hari ini yang melibatkan enam (6) kes di Selangor, lima (5) kes di Sarawak, dua (2) kes di Johor, dan satu (1) kes di Negeri Sembilan. Sebanyak 13 kes kematian pada hari ini melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 30 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,655 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,265 kluster** [termasuk **lima (5) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Merak, Kluster Bandar Sri, Kluster Lorong Nibong, Kluster Industri Gunung Mas, dan Kluster Ladang Bukit**];
- Jumlah kluster aktif : **390 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **84 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Dataran (88 kes), Kluster Perusahaan Baru Dua (81 kes), dan Kluster Pintu Air Relau (65 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **17 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan masing-masing lima (5) kluster komuniti dan kluster tempat kerja, empat (4) kluster sektor pendidikan termasuk dua (2) kluster institusi pendidikan KPM, serta masing-masing satu (1) kluster kumpulan berisiko tinggi, kluster keagamaan, dan kluster pusat tahanan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Nanga Tajam	Sarawak	Komuniti
2	Sungai Ranan	Sarawak	Komuniti
3	Sungai Ngungun	Sarawak	Komuniti
4	Kampung Bergosong	Sabah	Komuniti
5	Kampung Hilir Alor Gajah	Melaka	Komuniti
6	Kemayang	Kelantan	Tempat Kerja
7	Jalan Taming Dua	Selangor	Tempat Kerja
8	Air Padang	Sarawak	Tempat Kerja
9	Perusahaan Baru Dua	Pulau Pinang	Tempat Kerja
10	Tapak Bina Jalan Todak Satu	Pulau Pinang	Tempat Kerja
11	Jalan Wau	Selangor	Institusi Pendidikan KPM
12	Chersonese	Perak	Institusi Pendidikan KPM
13	Jalan Agama	Sarawak	Pendidikan Lain
14	Jalan Dataran	Negeri Sembilan	Pendidikan Lain
15	Taman Bukit Hijau	WP Kuala Lumpur	Kumpulan Berisiko Tinggi
16	Pagar Rimba	Johor	Pusat Tahanan
17	Jalan Sultanah	Johor	Keagamaan

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 April 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 30 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,265	132,890
SABAH	89	58,136
JOHOR	160	45,377
WP KUALA LUMPUR	255 (2)	43,656
SARAWAK	760	30,659
PULAU PINANG	250	19,806
NEGERI SEMBILAN	136	18,750
PERAK	118	14,749
KELANTAN	464	13,832
KEDAH	136	9,924
MELAKA	55	7,374
PAHANG	54	5,178
TERENGGANU	37	4,193
WP LABUAN	2	2,453
WP PUTRAJAYA	2	1,372
PERLIS	5	364
JUMLAH KESELURUHAN	3,788 (2)	408,713

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 3,788 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 30 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,265 kes**

- 50 kes daripada kluster-kluster, termasuk 39 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Wau dan Kluster Jalan Taming Dua**;
- 980 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 235 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 760 kes**

- 107 kes daripada kluster-kluster, termasuk 60 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Air Padang, Kluster Jalan Agama, Kluster Nanga Tajam, Kluster Sungai Ngungun, dan Kluster Sungai Ranan**;
- 574 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 79 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 464 kes**

- 132 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kemayang**;

- 261 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 71 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 255 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Bukit Hijau**;
 - 141 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 96 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 250 kes**
 - 99 kes daripada kluster-kluster, termasuk 95 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Perusahaan Baru Dua dan Kluster Tapak Bina Jalan Todak Satu**;
 - 76 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 75 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 160 kes**
 - 63 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sultanah dan Kluster Pagar Rimba**;

- 64 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 136 kes**
 - 104 kes daripada kluster-kluster, termasuk 88 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Dataran**;
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 136 kes**
 - 99 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 118 kes**
 - 41 kes daripada kluster-kluster, termasuk sembilan (9) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Chersonese**;
 - 52 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 89 kes**

- 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk sembilan (9) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Bergosong**;
- 49 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 55 kes**

- 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Hilir Alor Gajah**;
- 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 16 daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 54 kes**

- 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 37 kes**

- 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis: Lima (5) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 14 kes kematian pada 30 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina	Umur (Tahun)	Hospital	Latar Belakang
1493	Sarawak	Lelaki (WN)	69	Hospital Miri	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, gout, dan buah pinggang kronik
1494	Sarawak	Perempuan (WN)	54	Hospital Sarikei	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1495	Johor	Perempuan (WN)	97	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit darah tinggi
1496	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
1497	Selangor	Perempuan (WN)	86	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
1498	Selangor	Perempuan (WN)	40	Hospital Sungai Buloh	<i>Hypothyroidism</i>
1499	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Penyakit dislipidemia, hati, dan kanser
1500	Sarawak	Perempuan (WN)	33	Hospital Sarikei	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
1501	Selangor	Lelaki (WN)	77	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit jantung
1502	Sarawak	Perempuan (WN)	84	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia

No. Kematian	Negeri	Jantina	Umur (Tahun)	Hospital	Latar Belakang
1503	Sarawak	Lelaki (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1504	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	83	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan strok
1505	Johor	Lelaki (WN)	48	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1506	Selangor	Perempuan (BWN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

Perincian 17 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER NANGA TAJAM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Selangau dan Sibul di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394954) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Nanga Tajam, Batang Oya, Selangau. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 104 individu telah disaring, di mana **34 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER SUNGAI RANAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kanowit di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-358607) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Sungai Ranan, Kanowit. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 191 individu telah disaring, di mana **31 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER SUNGAI NGUNGUN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kanowit di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-361484) dilaporkan positif COVID-19 pada 12 April 2021 hasil saringan pra rawatan. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu berhampiran Sungai Ngungun, Kanowit. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana **27 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER KAMPUNG BERGOSONG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Tawau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-385507) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang diadakan pada 8 April 2021. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER KAMPUNG HILIR ALOR GAJAH

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Alor Gajah di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-379417) dilaporkan positif

COVID-19 pada 20 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Kampung Hilir, Kuala Sungai Baru, Alor Gajah. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 528 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER KEMAYANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Bachok, Tumpat, dan Kota Bharu di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-398224) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah premis perniagaan yang terletak di Kota Bharu. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Kemayang, Bachok. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN TAMING DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 24 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Taming 2, Taman Taming Jaya, Balakong, Hulu Langat. Sehingga 30 April 2021,

sejumlah 264 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER AIR PADANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Miri dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-358626) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Padang, Miri. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 203 individu telah disaring, di mana **19 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER PERUSAHAAN BARU DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, dan Timur Laut di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 17 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Lorong Perusahaan Baru 2, Kawasan Perusahaan Perai, Seberang Perai Tengah. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 3,453 individu telah disaring, di mana **113 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER TAPAK BINA JALAN TODAK SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-370111 dan kes ke-370112) dilaporkan positif COVID-19 pada 16 April 2021 hasil saringan pra pekerjaan. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Todak 1, Pusat Bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 61 individu telah disaring, di mana **23 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER JALAN WAU

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Petaling dan Sepang di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-362568) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Wau 11/1, Seksyen 11, Shah Alam. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 356 individu telah disaring, di mana **37 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER CHERSONESE

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kerian di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-389583) dilaporkan positif COVID-19 pada 24 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Ladang Chersonese, Kuala Krau. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 212 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER JALAN AGAMA

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Miri di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-372249) dilaporkan positif COVID-19 pada 17 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah institusi pendidikan yang terletak di Jalan Agama, Lutong, Miri. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 95 individu telah disaring, di mana **38 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER JALAN DATARAN

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Seremban, Port Dickson, Jempol, Jelevu, dan Tampin di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-400758) dilaporkan positif

COVID-19 pada 28 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Dataran Sentral 3, Dataran Sentral, Seremban. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 151 individu telah disaring, di mana **96 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER TAMAN BUKIT HIJAU

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-388685) dilaporkan positif COVID-19 pada 24 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja dan penghuni-penghuni sebuah pusat jagaan warga emas yang terletak di Taman Bukit Hijau, Cheras. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

16. KLUSTER PAGAR RIMBA

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 30 April 2021 hasil saringan sebelum masuk penjara. Kluster ini melibatkan tahanan-tahanan sebuah pusat tahanan yang terletak di Jalan Rimba, Bandar Seri Alam, Johor Bahru.

Sehingga 30 April 2021, sejumlah 36 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

17. KLUSTER JALAN SULTANAH

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-385626) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Sultanah, Kluang. Sehingga 30 April 2021, sejumlah 106 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.